



KENYATAAN MEDIA

TEKUN NASIONAL MENDAPAT PENGIKTIRAFAN GLOBAL ATAS INISIATIF MENYEDIAKAN AKSES PEMASARAN PRODUK USAHAWAN MIKRO KE PERINGKAT ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 11 November 2020 – TEKUN Nasional yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah menerima Anugerah Development Awards 2020 Trade Development daripada Association of Development Financing Institution in Asia and the Pacific (ADFIAP) bersempena Mesyuarat Agung Tahunan Ke-43 pertubuhan tersebut yang berlangsung pada 28 hingga 29 Oktober 2020.

ADFIAP merupakan sebuah pertubuhan terbesar dan berprestij di rantau Asia Pasifik yang ditubuhkan pada tahun 1976. Keanggotaan ADFIAP terdiri daripada 87 buah institusi kewangan yang terlibat dalam pembiayaan pembangunan daripada 36 buah negara.

Anugerah yang diterima oleh TEKUN adalah di bawah projek “Internalization Of Successful Reference On Microcredit - TEKUN” untuk pelaksanaan inisiatif TEKUN dalam memberi peluang dan menyediakan akses pemasaran produk usahawan mikro ke peringkat antarabangsa.


YB Dato Sri’ Dr Hj Wan Junaidi Tuanku Jaafar Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) berkata, “Inisiatif TEKUN dalam menyediakan akses pemasaran produk usahawan mikro ke peringkat antarabangsa perlu dipertingkatkan lagi. Terdapat ramai usahawan TEKUN yang mempunyai produk yang sesuai di pasarkan di peringkat

global. Namun pendedahan dan peluang untuk memasarkan produk tersebut adalah terhad”.

TEKUN Nasional telah mengambil inisiatif dalam memberi pendedahan awal kepada usahawan-usahawan TEKUN untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat mengenai peluang pasaran eksport halal, input penjenamaan dan program-program keusahawanan yang ditawarkan oleh agensi lain. Seiring dengan era digitalisasi, TEKUN turut mengadakan kerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dalam melaksanakan Program e-Dagang Setempat (PeDAS). Melalui PeDAS usahawan TEKUN akan diberi kemahiran dan ilmu dalam bidang e-dagang untuk memperluaskan perniagaan mereka.

Pada tahun 2019, TEKUN Nasional telah membawa usahawan TEKUN yang berpotensi mengikuti Misi Dagangan ke beberapa buah negara seperti di Bosnia Herzegovina, Singapura, Myanmar dan Hunan China. TEKUN juga turut mengadakan kolaborasi dengan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) bagi memasarkan produk usahawan TEKUN di Lapangan Terbang Antarabangsa di Kuala Lumpur (KLIA & KLIA2), Pulau Pinang (PIA), Kota Kinabalu (KKIA), Langkawi (LIA), Kuching (KCH) dan Istanbul Sabiha Gokcen (ISG).

TEKUN Nasional akan terus komited dalam membantu usahawan ke peringkat global. Oleh itu, TEKUN akan melaksanakan secara berperingkat dalam memberi fokus meningkatkan pembangunan keupayaan usahawan, pengukuhan penjenamaan dan strategi pemasaran digital (E-Dagang) yang berupaya membawa produk usahawan mikro ke pasaran global.



Trofi Anugerah Development Awards 2020 Trade Development - ADFIAP

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
11 NOVEMBER 2020